

5 • Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia



5.1 UNIT PERJAWATAN


Jumlah perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada UniMAP sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 1718. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 50 jawatan yang baharu berbanding 1668 jumlah perjawatan pada tahun 2018.

Manakala pengisian perjawatan sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 1628 jawatan iaitu terdiri daripada 977 orang Staf Akademik kumpulan Pengurusan Dan Profesional, 159 orang staf Bukan Akademik kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 492 orang staf Bukan Akademik Kumpulan Pelaksana.

Bilangan keseluruhan Staf Kontrak UniMAP sehingga Disember 2019 adalah seramai 425 orang staf yang merangkumi 18 orang staf Bukan Warganegara yang terdiri daripada dari tiga (3) Indonesia, dua (2) India, dua (2) Myanmar, dua (2) Thailand, dan masing-masing satu (1) dari Permanent Residence, Bangladesh, Kanada, Jepun, Nigeria, Sudan, Pakistan, Republik Rakyat China dan Filipina.

Pelantikan Staf UniMAP Baharu


Pada tahun 2019 UniMAP telah melantik seramai 41 staf yang terdiri daripada 26 staf bertaraf Tetap, lima (5) dari kumpulan Skim Khas Universiti (SKU) dan sembilan (9) staf bertaraf kontrak. Manakala pada tahun 2019 juga UniMAP membuat peminjaman seorang Pensyarah Universiti Gred Khas C (VK7) daripada Universiti Sains Malaysia (USM) untuk pelantikan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Berikut adalah statistik pelantikan Staf UniMAP pada tahun 2019.




Rajah 5.1: Statistik Pelantikan Staf UniMAP Tahun 2019.

Kenaikan Pangkat Staf UniMAP 2019


Pada tahun 2019, seramai 110 orang Staf Akademik (Pengurusan Dan Profesional), 17 Staf Bukan Akademik (Pengurusan Dan Profesional) dan 50 orang Staf Bukan Akademik (Pelaksana) telah diperakukan untuk dinaikkan pangkat mengikut gred jawatan masing-masing. Berikut adalah statistik pelantikan Staf UniMAP pada tahun 2019.



Rajah 5.2: Statistik Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2019




Rajah 5.3: Statistik Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik (Pengurusan Dan Profesional) Tahun 2019



Rajah 5.4: Statistik Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik (Pelaksana) Tahun 2019

Staf Yang Meninggalkan Perkhidmatan Di UniMAP 2019

Pada tahun 2019, seramai 46 orang telah meninggalkan perkhidmatan di UniMAP. Jumlah tertinggi dicatatkan adalah bagi staf yang "Berhenti" dan "Tamat Kontrak" yang disebabkan oleh staf tersebut telah mendapatkan tawaran jawatan yang lebih baik, bersesuaian di agensi/ organisasi yang lain. Berikut adalah statistik staf yang meninggalkan perkhidmatan di UniMAP pada tahun 2019.



Rajah 5.5: Statistik Staf Yang Meninggalkan Perkhidmatan Di UniMAP Tahun 2019.

5.2 PERKHIDMATAN

A. Kebajikan Staf

Bagi Tahun 2019, sebanyak RM852,865.11 dibelanjakan bagi perkhidmatan perubatan. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Jadual 5.1: Jumlah Perbelanjaan Perkhidmatan Kesihatan 2019.

Jenis Perbelanjaan	Jumlah (RM)	
Perbelanjaan Rawatan Klinik Panel	Perubatan	RM 474,146.00
	Pergigian	RM 45,643.00
Perbelanjaan Rawatan Hemodialisis Staf	RM 68,182.00	
Tuntutan Bil Hospital Yang Menggunakan Surat Jaminan (GL) UniMAP	RM 36,111.00	
Tuntutan Perbatuan dan Elaun (Bagi Tujuan Mendapatkan Rawatan Perubatan di Luar Stesen atas Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan)	RM 7,012.06	
Kos Perbelanjaan Kemudahan Perubatan seperti Alat, Ubatan dan lain-lain perkhidmatan perubatan.	RM 219,592.05	
Lain-lain Tuntutan Perubatan	RM 2,179.00	
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN PERUBATAN 2019 (Sehingga 30 November 2019)	RM 852,865.11	

B. Senarai Pegawai Yang Bersara Wajib Pada Tahun 2019

Jadual 5.2: Senarai Pegawai Yang Bersara Wajib 2019

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1.	Prof. Dr. Amran Bin Ahmed	Profesor Gred Khas B	2019/1/10
2.	Encik Zuber Bin Haji Mohamad	Pegawai Tadbir	2019/1/15
3.	Cik Hasbalaila Binti Alias	Pegawai Kewangan	2019/3/13
4.	Encik Abd. Razak Bin Othman	Pemandu Kenderaan	2019/3/15
5.	Prof. Madya Dr. Idris Bin Md. Noor	Profesor Madya	2019/4/17
6.	Puan Norehan Binti Ahmad	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	2019/5/11
7.	Encik Anuar Bin Md. Ishak	Pengawal Keselamatan	2019/9/20
8.	Prof. Abdul Aziz Bin Mahmuddin	Profesor Gred Khas C	2019/10/2
9.	Dato' Prof. Dr. Ali Yeon Bin Md Shakaff	Profesor Gred Khas A	2019/10/10

C. Senarai Pegawai Yang Bersara Pilihan Pada Tahun 2019

Jadual 5.3: Senarai Pegawai Bersara Pilihan 2019.

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1.	Prof. Madya Dr. Vithyacharan AL Retnasamy	Profesor Madya	2019/1/15

5.3 SKIM PENGAJIAN LANJUTAN

A. Skim Pengajian Latihan Kakitangan Akademik (SPLKA)

Seramai 26 pensyarah UniMAP telah diluluskan untuk cuti belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah skim ini. Pensyarah-pensyarah ini ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) mengikut bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar.

Data pensyarah yang terlibat bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 5.4 : Data Staf Yang Mengikuti Skim Pengajian Latihan Kakitangan Akademik (SPLKA) Tahun 2019

Bil.	Pusat Pengajian	PhD		Jumlah
		Dalam Negara	Luar Negara	
1.	FTK	4	2	6
2.	IMK	1		1
3.	PPIPT	6		6
4.	PPK BIOPROSES	2	1	3
5.	PPK MEKATRONIK	1		1
6.	PPK PEMBUATAN	2		2
7.	PPK SISTEM ELEKTRIK	4		4
8.	PUSAT BAHASA ANTARABANGSA	2		2
9.	IKOM	1		1
Jumlah Keseluruhan		23	3	26

B. Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)

UniMAP telah melantik 2 orang felo dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik. Kedua-dua felo ini telah memilih universiti dalam negara untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar. Felo-felo tersebut ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB).

C. Lain-Lain Penajaan

Terdapat 15 orang staf akademik lagi telah diluluskan untuk menyambung pengajian dalam Ijazah Kedoktoran di bawah skim 'Peningkatan Profesionalisme'.

D. Skim Cuti Kepakaran Pasca Kedoktoran (Post-Doctoral)


Skim ini ditawarkan bagi memberi peluang kepada staf akademik UniMAP yang telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berhubung bidang pengajian yang dijalankan oleh mereka. Bilangan Staf UniMAP yang mengikuti skim ini adalah 3 orang. Manakala 9 orang penyelidik luar (Bukan Staf UniMAP) memohon menjalani skim ini di UniMAP.

E. Cuti Sabatikal

UniMAP juga menawarkan kemudahan cuti sabbatical kepada staf akademik untuk mengikuti pengajian atau penyelidikan dalam bidang kepakaran serta berpeluang memperolehi pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan teknologi terkini dalam sesuatu bidang kepakaran demi untuk memanfaatkan kepada warga universiti mahupun negara. Pada tahun 2019, seramai 5 orang staf akademik yang telah menjalani skim cuti sabbatical.

F. Skim Sangkutan (Staf UniMAP)

Skim ini bertujuan memberi pendedahan kepada ahli akademik dan staf pentadbiran UniMAP untuk memahami dengan lebih mendalam tentang keperluan, tanggungjawab dan operasi sesebuah organisasi mahupun industri supaya dapat diaplikasikan dalam proses pembelajaran universiti. Ianya juga bertujuan untuk memberi pendedahan berfokuskan ilmu pengetahuan, pengalaman profesional dan perkongsian amalan terbaik agar staf dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan efektif, kreatif, proaktif dan inovatif yang menepati keperluan semasa kepada staf pentadbiran dan organisasi. Sehingga kini, seramai 17 orang staf akademik dan seorang staf pentadbiran yang mengikuti skim ini.



Rajah 5.6: Senarai Skim Di Bawah Unit Cuti Belajar

5.4 KURSUS DAN LATIHAN

Kursus dan latihan yang dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD) merangkumi kursus wajib bagi tujuan pengesahan jawatan staf akademik, kursus pembangunan profesionalisma pensyarah serta program perkongsian ilmu (syarahan dan forum) dalam mempertingkatkan kompetensi pensyarah khususnya dalam melaksanakan tugas pembelajaran dan pembelajaran. Jadual 1 menunjukkan statistik bilangan kursus, seminar



dan syarahan yang dikendalikan oleh LEAD bagi tahun 2019 beserta program anjuran bersama organisasi luar ; melibatkan belanjawan Vot Latihan Jabatan Pendaftar, juga geran pengajaran pembelajaran dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

Jadual 5.5: Bilangan Kursus Dianjurkan LEAD Tahun 2019

Bil.	Kategori	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
1	Kursus Wajib (Bagi Tujuan Pengesahan Jawatan) • Kursus Pensijilan Asas Pengajaran dan Pembelajaran • Kursus Bahasa Inggeris • Kursus Bahasa Melayu Maju	5	211
2	Kursus Pementapan Profesionalisma Pensyarah (termasuk Kursus Persediaan menyambung Pengajian peringkat MSc./PhD) • Kursus Kompetensi Kepimpinan • Kursus Pembelajaran Teradun • Bengkel Penyeliaan Siswazah • Bengkel Kaedah Penyelidikan • Bengkel Aplikasi IR4.0 (Web 2.0, Mobile Apps dan Data Analytics) • Kursus Tenaga Pengajar Service Learning Malaysia @ SULAM	12	318
3	Seminar, Syarahan dan Forum • Syarahan Umum Profesor • Seminar Duta Luar Negara • Heutagogy, Peeragogy & Cybergogy Pelajar Tahun 1 Ijazah Sarjana	9	666
4	Kursus / Bengkel Anjuran Luar • Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) • Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) • Lembaga Jurutera Malaysia (EAC/ETAC) • Lembaga Teknologis Malaysia • UniKL	7	39
	Kerjasama dengan Unit Latihan & Kompetensi Jabatan Pendaftar (Belanjawan Vot Latihan)	10	342
	JUMLAH PENGANJURAN DAN PENYERTAAN KESELURUHAN BAGI TAHUN 2019	33	1,234

Penggabungan Unit Latihan dan Kompetensi telah diluluskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti Kali Ke-115 (Bil.2017/9). Unit Latihan dan Kompetensi merupakan sebuah unit yang diletakkan di bawah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pendaftar dan komited untuk memenuhi keperluan pembangunan sumber manusia di UniMAP.

Pelaksanaan Latihan adalah di bawah tanggungjawab Unit Latihan dan Kompetensi dan skop latihan yang dijalankan adalah bagi memenuhi keperluan/ kemahiran umum yang diperlukan oleh staf untuk melaksanakan tugas mereka di samping kursus yang membawa kepada kemajuan kerjaya dan meningkatkan kompetensi staf. Unit Latihan

dan Kompetensi akan bekerjasama dengan Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi mengenalpasti latihan yang menjurus kepada kompetensi khusus yang berpandukan kepada analisis keperluan latihan yang telah disediakan pada setiap tahun. Objektif penubuhan unit ini untuk mengenal pasti keperluan latihan dan menyediakan peluang latihan kepada semua staf supaya UniMAP mempunyai tenaga manusia yang berpengetahuan, cekap dan terlatih untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan program organisasi dengan tahap profesionalisma yang tinggi.

Sebanyak 111 kursus telah dilaksanakan sepanjang 2019 menggunakan peruntukan Unit Latihan & Kompetensi, Jabatan Pendaftar. Daripada 111 kursus tersebut, 22 kursus daripadanya adalah kursus anjuran dalaman, 37 kursus dijalankan secara anjuran bersama PTj lain dan 52 kursus yang dianjurkan oleh institusi luar.

Jadual 5.6: Bilangan Kursus Dianjurkan Sepanjang Tahun 2019

Bil.	Kategori	PTJ	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Peruntukan VOT Latihan	Peruntukan UniMAP 2025
1.	Anjuran Dalaman	Unit Latihan Dan Kompetensi	22	2,849	88,244.30	54,870.70
2.	Anjuran Kerjasama PTJ	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	14	1,463	109,198.01	3,987.50 (LEAD)
3.		Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP)	8			
4.		Unit Kebudayaan Dan Rekreasi (UKR), Jabatan Canselori	4			
5.		Pusat Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK)	3			
6.		Pusat Pengkomersialan Harta Intelek (CIPC)	3			
7.		Pusat Pengajian Pembangunan Insan Dan Teknokomunikasi (iKOM)	2			
8.		Persatuan Pegawai Tadbir Dan Ikhtisas (POTENSI)	2			
9.		Pusat kesihatan UniMAP	2			
10.		Jabatan Pendaftar	1			
11.		Anjuran Luar	Organisasi Luar			
		Sistem Competency Based Talent Management(CBTM)	-	-	-	30,000.00
		Program Sangkutan	-	-	-	10,000.00
		Jumlah Keseluruhan		4,422	RM 274,712.66	RM 98,858.20

5.5 STATISTIK PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC)

Pada tahun 2019, pihak universiti telah menganugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 kepada 129 orang. Kategori penganugerahan seperti berikut:

Jadual 5.7: Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Dan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC) Tahun 2018

Bil.	Anugerah	Bilangan Penerima
1.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	129
2.	Anugerah Pendidik Cemerlang	8
3.	Anugerah Pentadbir Cemerlang	12
4.	Anugerah Staf Sokongan Cemerlang	18
5.	Anugerah Versatil	4
6.	Anugerah Rakan Pendamping Siswa	8
7.	Anugerah Pusat Pengajian/Sokongan Akademik Cemerlang	1
8.	Anugerah Jabatan/Unit Cemerlang	1

Selain itu, terdapat juga penganugerahan khas turut disampaikan pada majlis tersebut, antaranya seperti berikut:

Jadual 5.8: Bilangan Penerima Khas Sempena APC 2018

Bil.	Anugerah	Bilangan Penerima
1.	Anugerah Tokoh	2
2.	Anugerah Khas UniMAP (Agensi)	3
3.	Anugerah Perkhidmatan Lama	3
4.	Anugerah Inovasi	1
5.	Anugerah Laman Web PTJ	1

5.6 ANUGERAH PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN TAHUN 2019

Bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada tahun 2019, sepuluh (10) orang staf seperti berikut telah dikurniakan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis:

Jadual 5.9: Senarai Penerima Anugerah Pingat Dan Darjah Kebesaran Tahun 2019

Bil.	Nama	Jawatan	Anugerah	Negeri
1.	Prof. Dr. Harshita Aini Binti Haroon	Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti)	Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)	Perlis
2.	Prof. Dr. Mohammad Iqbal Bin Omar	Pengarah Pusat Kesihatan UniMAP	Darjah Ahli Mahkota Perlis (A.M.P)	Perlis
3.	Prof. Ir. Dr. Anuar Bin Mat Safar	Dekan Bahagian Pengurusan Akademik	Darjah Ahli Mahkota Perlis (A.M.P)	Perlis
4.	Prof. Madya Dr. Khairul Rafezi Bin Ahmad	Profesor Madya Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	Darjah Ahli Mahkota Perlis (A.M.P)	Perlis
5.	Prof. Madya Ts. Mazelan Bin Abdul Hamid	Profesor Madya Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	Darjah Ahli Mahkota Perlis (A.M.P)	Perlis
6.	Encik Fauzi Bin Baharom	Timbalan Pendaftar Jabatan Pendaftar	Pingat Mahkota Perlis (P.M.P)	Perlis
7.	Encik Rusdi Bin Puteh	Timbalan Bendahari Kanan Jabatan Bendahari	Pingat Mahkota Perlis (P.M.P)	Perlis
8.	Encik Muhamad Azan Bin Yaakob	Pensyarah Universiti Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	Perlis
9.	Encik Che Halim Bin Hussein	Penolong Akauntan Jabatan Bendahari	Pingat Jasa Baik (P.J.B)	Perlis
10.	Encik Mat Jusoh Bin Latiff	Pengawal Keselamatan Jabatan Keselamatan	Pingat Jasa Baik (P.J.B)	Perlis